



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

RABU, 8 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

8/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	NANCY: FLOOD RELIEF, AID AT THE READY IF NEEDED	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/07/nancy-flood-relief-aid-at-the-ready-if-needed	THESTAR.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=0mi_PdUeDz8	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	PHASE 2 OF SG LANGAT FLOOD MITIGATION PLAN NEEDS TO START IMMEDIATELY, SAYS SEPANG MP	
	https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/11/07/phase-2-of-sg-langat-flood-mitigation-plan-needs-to-start-immediately-says-sepang-mp	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	JALINAN KASIH BERSAMA NGO-YB DATUK SERI HAJJAH NANCY SHUKRI	
	https://www.youtube.com/watch?v=AMh7QOORWgw	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
4	ZAITON SAMEON MASIH MENANTI JAWAPAN PERMOHONAN RUMAH PPR, RUMAH SELANGORKU	
	https://www.hmetro.com.my/rap/2023/11/1027964/zaiton-sameon-masih-menanti-jawapan-permohonan-rumah-ppr-rumah-selangorku	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2023/11/1174370/zaiton-masih-menanti-kelulusan-permohonan-rumah-ppr	BHARIAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	MORE FLOOD VICTIMS EVACUATED IN PERAK AND SELANGOR	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/07/more-flood-victims-evacuated-in-perak-and-selangor/100691	MALAYMAIL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	BANJIR: 10 PPS DIBUKA DI SELANGOR, PERAK	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1174075/banjir-10-pps-dibuka-di-selangor-perak	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	1,003 MANGSA BANJIR DI TIGA NEGERI	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/1003-mangsa-banjir-di-3-negeri/	UTUSAN.COM.MY
	https://tvstv.my/2023/11/07/banjir-jumlah-mangsa-meningkat-di-perak-dan-selangor/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	KUAT SEMANGATMU FATHUL!	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1027836/kuat-semangatmu-fathul	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	TIGA BERADIK HIDAP PARU-PARU KRONIK	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/tiga-beradik-hidap-paru-paru-kronik/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	'SEMOGA ADA KEAJAIBAN UNTUK ANAKKU'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028042/semoga-ada-keajaiban-untuk-anakku	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/07/ibu-rayu-rm50000-untuk-kos-derma-buah-pinggang-kepada-anak/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	BENCANA BANJIR: TIGA NEGERI TERJEJAS, SELANGOR, PERAK & PAHANG	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bencana-banjir-tiga-negeri-terjejas-selangor-perak-pahang-x8pes16	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=sRbB4OLsdDM	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
12	TENGGUJUH: HUJAN LEBAT DIJANGKA BERLAKU DI SARAWAK, NOVEMBER HINGGA JANUARI	
	https://tvstv.my/2023/11/07/tengkujuh-hujan-lebat-dijangka-berlaku-di-sarawak-november-hingga-januari/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	14 LANGKAH MENEMPATKAN GOLONGAN OKU DI IPT	
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/14-langkah-menempatkan-golongan-oku-di-ipt	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/07/atasi-cabaran-oku-di-kampus/	MALAYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	JATUH DARI TINGKAT ENAM HOSPITAL SULTAN ISMAIL, LELAKI OKU MENTAL MAUT	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jatuh-dari-tingkat-enam-hospital-sultan-ismail-lelaki-oku-mental-maut-444996	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
15	JURULATIH SUKAN WANITA KITA TIADA MASA DEPAN?	
	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/11/jurulatih-sukan-wanita-kita-tiada-masa-depan/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	KERAJAAN NEGERI SENTIASA BANTU WANITA CIPTA PENDAPATAN	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/07/kerajaan-negeri-sentiasa-bantu-wanita-cipta-pendapatan	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	WANITA CEDERA DISERET PERAGUT	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/wanita-cedera-diseret-peragut/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	BUNUH, BAKAR TEMAN WANITA HAMIL: SEBUTAN SEMULA KES 21 DISEMBER	
	https://www.sinarharian.com.my/article/633398/berita/semasa/bunuh-bakar-teman-wanita-hamil-sebutan-semula-kes-21-disember	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	WANITA DISYAKI JADI KELDAI AKAUN SINDIKET LOVE SCAM BABITKAN KERUGIAN RM179,250 DITAHAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/wanita-disyaki-jadi-keldai-akaun-sindiket-love-scam-babitkan-kerugian-rm179250-ditahan/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	LATIH WANITA JADI SUKARELAWAN PERTOLONGAN CEMAS PSIKOLOGI	
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/11/1174118/latih-wanita-jadi-sukarelawan-pertolongan-cemas-psikologi	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	KECUAIAN IBU BAPA PUNCA JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/kecuai-ibu-bapa-punca-jenayah-seksual-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	KOOL 101, JOIE SEBAR KESEDARAN PENGGUNAAN KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK	
	https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/11/1174217/kool-101-joie-sebar-kesedaran-penggunaan-kerusi-keselamatan-kanak	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	679 MANGSA TERMASUK 277 KANAK-KANAK MASIH DI PPS	
	https://www.sinarharian.com.my/article/633441/edisi/selangor-kl/679-mangsa-termasuk-277-kanak-kanak-masih-di-pps	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
24	TABIKA KEMAS PRA TAHFIZ, PERKASA KANAK-KANAK BERPENDIDIKAN AL-QURAN	
	https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/tabika-kemas-pra-tahfiz-perkasa-kanak-kanak-berpendidikan-al-quran	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/07/pru-tahfiz-tabika-kemas-sasar-100000-kanak-kanak-huffaz-tpm/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
25	ADA GELAR MISSCLYEN 'ANAK HAIWAN', 'ANAK HANTU'	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/07/ada-gelar-missclyen-anak-haiwan-anak-hantu/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	JANGAN BIARKAN ANAK TERDEDIAH GANGGUAN MENTAL	
	https://www.sinarharian.com.my/article/633347/suara-sinar/lidah-pengarang/jangan-biarkan-anak-terdediah-gangguan-mental	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	BAPA KEJAM MENGAKU SALAH BELASAH ANAK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1027925/bapa-kejam-mengaku-salah-belasah-anak	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

8/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
28	ANWAR MINTA GURU, IBU BAPA DIDIK ANAK-ANAK MENGENAI ISU PALESTIN	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1174300/anwar-minta-guru-ibu-bapa-didik-anak-anak-mengenai-isu-palestin	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
29	OKU MAUT TERJATUH HOSPITAL BUKAN BAHAN JENAKA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/oku-maut-terjatuh-hospital-bukan-bahan-jenaka/	UTUSAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/07/lelaki-terjatuh-dari-bangunan-hsi-pemegang-kad-oku/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1027819/pesakit-oku-mental-maut-jatuh-tingkat-enam-hospital	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/633385/berita/semasa/pesakit-oku-jatuh-bangunan-hospital-tidak-tunjuk-kemurungan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2242251	BERNAMA.COM
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/07/jatuh-dari-tingkat-enam-hospital-sultan-ismail-lelaki-oku-mental-maut	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
30	ADUN SKUDAI TEGUR WARGANET PERSENDA KEMATIAN PESAKIT OKU HSI	
	https://www.buletintv3.my/nasional/adun-skudai-tegur-warganet-persenda-kematian-pesakit-oku-hsi/	BULETINTV3.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

8/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
31	POLIS CARI WANITA 'CHECK IN HOMESTAY' 3 HARI SEBELUM JUMPA MAYAT BAYI	
	https://www.buletintv3.my/nasional/polis-cari-wanita-check-in-homestay-3-hari-sebelum-jumpa-mayat-bayi/	BULETINTV3.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/minta-maaf-kami-tidak-mampu-jaga-bayi-ini/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1027950/mayat-bayi-ditemukan-dalam-plastik-di-tandas-inap-desa	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/07/mayat-bayi-lelaki-baru-lahir-ditemukan-di-tandas-bilik-homestay-di-jalan-kepayan	UTUSANBORNEO.COM.MY
BIL	PERKARA	SUMBER
32	TANAH RUNTUH, TIGA TERMASUK WANITA WARGA EMAS SELAMAT	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1028086/tanah-runtuhtiga-termasuk-wanita-warga-emas-selamat	HMETRO.COM.MY



TAJUK : MENGAKU TENDANG, TUMBUK ANAK

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 08 NOV 2023

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Mengaku tendang, tumbuk anak

Gerik: Seorang bapa mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan mencederakan anak kandungnya dengan menendang dan menumbuk mangsa yang berusia 12 tahun, minggu lalu.

Mohamad Zairi Mohamad Nawi, 37, didakwa menyebabkan kecederaan ke atas kanak-kanak lelaki itu di sebuah rumah di Jalan Pasir Buaya, Kampung Perah di sini pada 29 Oktober lalu.


Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama membawa hukuman penjara maksimum setahun atau dengan denda hingga RM2,000 atau dengan kedua-duanya dan boleh dipenjara dua kali ganda tempoh maksimum jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nor Atiyah Shafiee memohon tarikh baharu bagi menunggu laporan perubatan mangsa dan tawarkan jaminan RM5,000 ke atas tertuduh dengan seorang penjamin.

Peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Nur Murni Che Mood yang mewakili dua anak itu memohon jaminan rendah atas alasan anak guamnya yang berpendapatan tidak tetap, perlu menanggung anak dan ibu bapanya.

Majistret membenarkan jaminan RM2,500 dengan seorang penjamin dan menetapkan 27 November untuk sebutan semula kes.

Kelmarin, tertuduh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar atas pertuduhan memiliki senjata berbahaya, iaitu sebilah parang di tepi jalan Kampung Perah, Gerik, pada 30 Oktober. BERNAMA



TAJUK : PEMBANTU TADBIR MINDEF DIDENDA RM20,000

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 08 NOV 2023

M/SURAT : 15

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Guna dokumen palsu

Pembantu tadbir MINDEF didenda RM20,000

Kuala Lumpur: Mahkamah Sesyen semalam mengenakan hukuman denda RM20,000 terhadap seorang pembantu tadbir kewangan Kementerian Pertahanan (MINDEF) kerana menggunakan dokumen palsu, tahun lalu.

Hakim, Rozina Ayob, memutuskan hukuman berkenaan terhadap Norshuhada Ismail, 35, selepas ibu tiga anak itu mengaku bersalah atas tuduhan berkenaan.

"Mahkamah bagi peluang terakhir, kamu (tertuduh) sepatutnya menjadi teladan kepada anak," katanya.

Mahkamah juga mengarahkan tertuduh dipenjara 30 hari jika gagal bayar denda berkenaan.

Mengikut pertuduhan, wanita terbabit didakwa bersubhat de-

ngan Pengurus Syarikat Mieza Jaya Global Enterprise, Nordin Yaakop, 59, sebagai ejen Kementerian Pertahanan dengan cagarannya menggunakan dokumen tulen.

ia adalah Kertas Kerja bagi Permohonan Perkhidmatan Sajian bagi Kursus Bijak Urus Wang pada 28 Februari hingga 3 Mac 2022 dan Bengkel Memperkasakan Modal Insan pada 14 hingga 17 Mac 2022 berjumlah RM15,776.

Dengan itu, tertuduh ada sebab untuk percaya menggunakan dokumen palsu dengan niat hendak memperdayakan Kementerian Pertahanan.

Kesalahan dilakukan di pejabat Pusat Tanggungjawab (PTJ) Bahagian Pembangunan Sumber

Manusia, Markas Tentera Laut, Kementerian Pertahanan, antara Februari hingga Mac 2022 mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan (KK).

Tertuduh boleh dihukum mengikut Seksyen 465 Kanun Keseksaan yang membawa kepada hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Rayu tidak dipenjarakan

Terdahulu, Norshuhada yang tidak diwakili peguam merayu tidak dipenjarakan, sebaliknya hanya dikenakan hukuman denda atas alasan perlu menanggung keluarga dan tiga anak masih bersekolah.

"Saya insaf, menyesal dan ber-



Norshuhada keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Suraya Roslan/BH)

janji tidak akan melakukan kesalahan sama dan mohon hukuman denda antara RM20,000 hingga RM25,000," katanya.

Bagaimanapun, Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Afiqah Ab Razak, memohon dikenakan hukuman setimpal terhadap tertuduh.

"Kes membabitkan penjawat awam selaku pembantu tadbir kewangan menguruskan perolehan, ia profesion mulia yang tidak seharusnya dicemari unsur jenayah.

"Penggunaan dokumen palsu menunjukkan sikap tamak tertuduh dan kes ini membabitkan kepentingan awam yang perlu diutamakan berbanding kepentingan peribadi," katanya.



TAJUK : SERI PADUKA BERKENAN SAKSI MOA KEMAS, YAYASAN PAHANG

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 08 NOV 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Seri Paduka berkenan saksi MoA KEMAS, Yayasan Pahang



Al-Sultan Abdullah berkenan menyaksikan MoA antara KEMAS dan Yayasan Pahang yang ditandatangani Ahmad Kamal (duduk kiri) dan Ahmad Munawar di Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS, Kampung Seri Batu, Kuala Lumpur, semalam. Yang turut hadir, Ahmad Zahid dan Wan Rosdy (dua dari kanan).
(Foto Aswadi Alias/BH)

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan berangkat menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Yayasan Pahang, semalam.

Pada majlis pemeteraian MoA itu, KEMAS diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi, manakala Yayasan Pahang diwakili Pengarahnya, Datuk Dr Ahmad Munawar Abdul Jalil.

Perjanjian antara KEMAS dan Yayasan Pahang itu bagi melaksanakan program Tabika Pra Tahfiz KEMAS iaitu program di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dalam memperkasakan pendidi-

kan al-Quran kepada kanak-kanak.

Terdahulu, keberangkatan tiba Seri Paduka di Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS, Kampung Seri Batu di sini, disambut Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Yang turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan Timbalan Menteri KKDW Datuk Rubiah Wang.

Menerusi Belanjawan 2024 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 13 Oktober lalu, Kerajaan Perpaduan memperuntukkan RM20 juta bagi melaksanakan Program Pra Tahfiz KEMAS. BERNAMA



TAJUK : 'KAMU SEPATUTNYA MENJADI TELADAN KEPADA ANAK-ANAK'

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 NOV 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Kamu sepatutnya menjadi **teladan** kepada anak-anak'

Oleh Suraya Roslan
[surayaroslan@mediapri-
ma.com.my](mailto:surayaroslan@mediapri-
ma.com.my)

*Pembantu tadbir kewangan didenda
RM20,000 bersubahat guna dokumen palsu*

Kuala Lumpur

"Mahkamah bagi peluang terakhir, kamu sepatutnya menjadi teladan kepada anak-anak."

Demikian kata Hakim Mahkamah Sesyen di sini, Rozina Ayob sebelum menjatuhkan hukuman denda RM20,000 terhadap seorang pembantu tadbir kewangan di sebuah kementerian, semalam.

Tertuduh, Norshuhada Ismail, 35, mengaku bersalah atas tuduhan menggunakan dokumen palsu dengan niat memperdayakan Kementerian Pertahanan Malaysia.

Mengikut pertuduhan, ibu tiga anak itu didakwa bersubahat dengan Pengurus syarikat Mieza Jaya Global Enterprise, Nordin Yakop, 59, sebagai ejen kepada Kementerian Pertahanan Malaysia dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu Kertas Kerja bagi Permohonan Perkhidmatan Sajjian bagi Kursus Bijak Urus Wang pada 28 Februari 2022 hingga 3 Mac 2022 dan Bengkel Memperkasakan Modal Insan pada 14 Mac 2022 hingga 17 Mac 2022 berjumlah RM15,776.

Kesalahan itu dilakukan di pejabat Pusat Tanggungjawab (PTJ) Bahagian Pembangunan Sumber Ma-



NORSHUHADA mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

nusia, Markas Tentera Laut, Kementerian Pertahanan Malaysia di sini, antara Februari hingga Mac 2022.

Wanita itu dituduh mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun sama, jika disabitkan boleh dipenjarakan maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya. Norshuhada yang tidak diwakili peguam merayu dikenakan hukuman denda dan tidak dipenjarakan dengan alasan menanggung keluarga dan tiga anak masih bersekolah.

"Saya insaf dan menyesal

serta berjanji tidak akan melakukan kesalahan sama dan mohon hukuman denda antara RM20,000 hingga RM25,000," katanya.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Afiqah Ab Razak memohon hukuman setimpal atas kesalahan dilakukan tertuduh.


"Kes ini membabitkan penjawat awam selaku pembantu tadbir kewangan menguruskan perolehan, ini profesion mulia yang tidak seharusnya dicemari unsur jenayah.

"Penggunaan dokumen palsu adalah sikap tamak

haloba tertuduh dan kes ini membabitkan kepentingan awam diutamakan melebihi kepentingan peribadi.

"Oleh itu, kami memohon hukuman setimpal, pendakwaan tidak membantah jumlah sekiranya hukuman denda dalam julat RM20,000 hingga RM25,000, tertuduh tiada rekod lampau," katanya.

Mendengar hujah kedua-dua pihak, Rozina menasihatkan tertuduh supaya insaf sebelum menjatuhkan denda RM20,000 atau dipenjarakan 30 hari jika gagal membayar denda berkenaan.



TAJUK : 'SUDAH TIBA MASA BULI DIKATEGORIKAN SEBAGAI JENAYAH BERAT'

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 NOV 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Sudah tiba masa buli dikategorikan sebagai jenayah berat'

Kuala Lumpur: Kes *raging* atau buli tidak boleh dipandang remeh kerana ia memberikan kesan negatif secara fizikal, psikologi dan emosi terhadap mangsa buli, malah ia adalah satu perbuatan jenayah.

Data Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) Kementerian Pendidikan (KPM) juga merekodkan 4,994 kes buli dari Januari hingga Oktober tahun ini.

Pengerusi Pertubuhan Aspirasi Wanita Malaysia, Wan Azlina Wan Adnan berkata, paling terbaru tular kejadian buli di sebuah sekolah berasrama penuh di Perak yang kini dalam siasatan polis.

Menurutnya, kes buli ini



WAN Azlina

bukan perkara baru dan budaya ini dalam kalangan pelajar terutama di sekolah berasrama penuh sudah di tahap merisaukan.

"Budaya membuli yang bermula dari konsep *raging* kini sudah mencapai tahap menyebabkan

mangsa-mangsa buli mengalami kecederaan teruk, kecacatan fizikal, trauma dan kematian.

"*Raging* oleh pelajar senior ke atas junior adalah salah satu penyumbang kes buli khususnya di asrama penuh," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau yang juga Ketua Gerakan Pengubalan Akta Anti Buli berkata, pelajar senior beranggapan mereka mempunyai kuasa untuk mendakwa pelajar junior atas kesalahan yang didakwa dilakukan.

Menurutnya, mereka ini juga menjadi 'hakim' untuk membuat keputusan dan juga menjadi pelaksana hukuman yang ber-

bentuk fizikal, mental dan emosi ke atas 'mangsa' terabit.

"Senior merasakan mereka seolah-olah mempunyai justifikasi untuk mengajar pelajar-pelajar lain melalui kekerasan.

"Tradisi ini diturunkan dan diwarisi daripada satu kemasukan ke kemasukan berikutnya. Itulah kitaran budaya buli di sekolah," katanya.

Katanya, kes buli tidak boleh dipandang remeh kerana ia memberikan kesan negatif terhadap mangsa secara fizikal, psikologi dan emosi.

"Semua pihak harus sedar bahawa kejadian buli adalah suatu jenayah yang

boleh merosakkan mangsa buli sehingga ada yang meragut nyawa.

"Oleh itu, buli tidak lagi seharusnya dilihat hanya sekadar masalah disiplin, tetapi jenayah 'berat' yang semakin berleluasa," katanya.

Katanya, sudah tiba masanya untuk Malaysia menggubal satu undang-undang khusus untuk mencegah dan menangani kes-kes buli terutama di sekolah-sekolah.

"Sehingga kini masih belum ada peruntukan khusus yang boleh memberikan definisi dan tafsiran yang lengkap dan menyeluruh tentang apa yang boleh dianggap sebagai perbuatan buli.

"Walaupun Malaysia mempunyai kanun keseksaan dan pelbagai peraturan, panduan seperti Ordinan Pelajaran, 1957, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 serta pekeliling yang berkaitan, namun satu undang-undang anti buli yang khusus diperlukan untuk menambah baik dan menguatkan undang-undang sedia ada," katanya.

Katanya, bagi menghapuskan budaya buli di sekolah, ia memerlukan kerjasama semua pihak iaitu pentadbir sekolah, ibu bapa, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Kementerian Pendidikan Malaysia, polis dan masyarakat.



TAJUK : ANAK KECIL SELESA, SELAMAT

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 NOV 2023

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Najiy Jefri
najiy.jefri@hmetro.com.my

Puchong

Setesen radio Media Prima Audio (MPA), Kool 101 melancarkan kerjasama strategik bersama jenama terkemuka dari United Kingdom, Joie bagi menyebarkan kepentingan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak.

Lebih menarik, Joie turut memperkenalkan kempen Ride Safe Ride Smart Ride R129 bagi mendidik orang awam berkenaan dengan standard 'car seat' terbaharu dari Eropah.

Dalam masa sama kempen terbabit turut ingin memberi kesedaran kepada ibu bapa mengenai kepentingan penggunaan kerusi keselamatan dengan betul dan bersesuaian dengan kriteria anak.

Justeru kempen R129 adalah inisiatif proaktif oleh SNS Products Sdn Bhd yang juga pengedar sah jenama Joie di Malaysia, dan kempen itu dinamakan bersempena standard keselamatan terbaharu iaitu ECE R129 yang direka dengan lebih baik, selamat, dan mesra pengguna.

Sebagai radio rasmi bagi kempen R129 ini, Kool 101 melancarkannya bagi mendidik ibu bapa, penjaga, dan orang awam secara umum mengenai kepentingan penggunaan kerusi keselamatan ka-



MURALI (kanan) dan May Hwong (tiga dari kiri) selepas menandatangani persefahaman kerjasama Kool 101 bersama syarikat Joie di Safe N Sound.

Anak kecil selesa, selamat

Kool 101, Joie sebar kesedaran penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak di kereta

nak-kanak yang betul dan sesuai.

Pengarah Rangkaian Kumpulan Fly FM, Molek FM dan Eight FM, Murali Dharan Marimuthu berkata, kempen ini sewajarnya diketahui ramai terutama ibu bapa mengenai pemilihan, pemasangan dan penggunaan kerusi kanak-kanak yang betul supaya setiap perjalanan bersama bagi bayi atau kanak-kanak selamat.

"Saya juga seorang bapa dan mempunyai anak, jadi saya mengakui kepentingan kerusi keselamatan

kepada kanak-kanak tapi saya akui ia suatu yang asing di Malaysia bagi ibu bapa membeli kerusi keselamatan untuk anak-anak jadi

kami rasa ia penting untuk kami mewujudkan kesedaran ini.

"Kami di MPA, terutamanya Kool 101 sangat bangga

menjadi sebahagian dari kempen ini dalam memberikan kesedaran mengenai kempen R129 dan keselamatan anak-anak," katanya ketika ditemui, semalam.

Dalam pada itu, Pengarah Urusan, SNS Products Sdn Bhd, May Hwong berkata, pihaknya menyedari kempen kesedaran mengenai keselamatan kerusi keselamatan semakin berkesan.

Acara itu turut dimekakan dengan kehadiran penyampai radio Kool 101 dari segmen Pagi On Point, Haiza dan Muaz.

“**la suatu yang asing di Malaysia bagi ibu bapa membeli kerusi keselamatan**”

Murali



TAJUK : KEMAS DIJANGKA LAHIRKAN 100,000 HUFFAZ CILIK MENJELANG 2023

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 NOV 2023

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kuala Lumpur: Program Tabika Pra Tahfiz Kemas mampu memperkasakan Modul Penghayatan Pendidikan Islam (PPI) sekali gus dapat melahirkan lebih ramai generasi cilik al-Quran di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, pihaknya melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) mempunyai Modul PPI yang tersedia berfokuskan aspek al-Quran dan ibadah yang dilaksanakan di Tabika Kemas sejak 2017.

"Maka, bertepatanlah pelaksanaan Modul Pra Tahfiz di Tabika Kemas diteruskan dengan hasil penambahbaikan dan kesinambungan daripada kurikulum sedia ada dengan memberi nilai tambah kepada aspek al-Quran.

"Modul ini juga menyasarkan penglibatan sebanyak sekurang-kurangnya 1,500 kanak-kanak yang mampu membaca dan



AL-Sultan Abdullah mencemar duli bergambar bersama pegawai dan kakitangan tadika Kemas. Turut hadir Dr Ahmad Zahid.

Kemas dijangka lahirkan 100,000 huffaz cilik menjelang 2026

menghafaz sehingga surah Ad-Dhuha serta bersedia memasuki ke Tahun Satu menjelang akhir sesi persekolahan 2023.

"Menjelang 2026, Kemas dijangka melahirkan huffaz cilik seramai 100,000

orang, insya-Allah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara Kemas dan Yayasan Pahang bagi me-

laksanakan Program Tabika Pra Tahfiz Kemas, di sini, semalam.

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah turut berkenan berangkat menyempurnakan

majlis memorandum berkenaan.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, pertukaran MoA itu menyaksikan kerjasama antara Kemas dan Yayasan Pahang yang mempunyai intipati anta-

ranya membabitkan penggunaan Modul Hafazan Tadika Tahfiz Negeri Pahang (TTNP), khidmat nasihat dan perakuan sijil kompetensi kepada pengajar.

Selain itu katanya, intipati lain adalah perakuan sijil tamat modul kepada murid Tabika Kemas, penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Kemas-Yayasan Pahang dan penyediaan tenaga pengajar.

Menurutnya, kerjasama ini turut membabitkan Yayasan Pinta dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang membantu dalam memberikan latihan kemahiran asas al-Quran seperti tajwid dan mahraj kepada pendidik Tabika Kemas secara berkala di peringkat parlimen atau negeri seluruh negara.

"Pengisian Modul Pra Tahfiz Kemas merujuk sepenuhnya Modul Hafazan Tadika Tahfiz Negeri Pahang dengan teknik hafazan dan kaedah pembelajaran secara fun *learning*," katanya.



TAJUK : MENGAKU SALAH BELASAH ANAK

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 NOV 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



MOHAMAD Zairi mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Gerik.

Gerik

Seorang bapa mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas pertuduhan mencederakan anak kandungnya dengan menendang dan menumbuk mangsa berusia 12 tahun, minggu lalu.

Mohamad Zairi Mohamad Nawawi, 37, didakwa, menyebabkan kecederaan ke atas remaja lelaki itu di sebuah rumah di Jalan Pasir Buaya, Kampung Perah di sini, jam 5 petang, 29 Oktober 2023.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama yang membawa hukuman penjara maksimum setahun atau denda RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya Nor Atiyah Shafiee memohon tarikh baharu bagi

Mengaku salah belrasah anak

Lelaki didakwa sebabkan kecederaan remaja berdepan hukuman jel setahun, denda RM2,000

menunggu laporan perubahan mangsa dan menawarkan jaminan RM5,000 ke atas tertuduh dengan seorang penjamin.

Peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Nur Murni Che Mood yang mewakili dua anak itu memohon jaminan rendah atas alasan anak guamnya yang berpendapatan tidak tetap, perlu menanggung anak dan ibu bapanya.

Majistret Savinder Singh membenarkan jaminan

RM2,500 dengan seorang penjamin dan menetapkan 27 November untuk sebutan semula kes.

Kelmarin, tertuduh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar atas pertuduhan memiliki senjata berbahaya iaitu sebilah parang di tepi jalan Kampung Perah, Gerik, kira-kira 3.45 petang, 30 Oktober lalu.

Media sebelum ini melaporkan seorang remaja lelaki berusia 12 tahun cedera akibat ditumbuk dan

ditendang bapa kandung semasa berada di rumah ibu saudaranya di Kampung Perah, pada petang 29 Oktober lalu.

Di samping itu, Ketua Polis Daerah Gerik Superintendan Zulkipli Mahmood memaklumkan siasatan awal mendapati suspek bertindak menumbuk dan menendang belakang badan kanak-kanak itu, serta melibas sebilah parang yang berada di tangannya dan hampir mengenai mangsa.



TAJUK : REDAH LUMPUR DEMI DIDIK ANAK BANGSA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 NOV 2023

M/SURAT : 19

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



MURID Orang Asli suku Jahai dari SK Sungai Tiang meraih Anugerah Pesuruhjaya Pengakap (RAMBU) Peringkat Negeri Perak 2022.



MURID Orang Asli suku Jahai pada Program Karnival STEM di SK Sungai Tiang.



AIR sungai cetek pada sebahagian laluan perjalanan menyebabkan guru perlu menolak bot sebelum dapat menyambung kembali perjalanan ke sekolah.



AHMAD Adnan (kiri) bersama guru SK Sungai Tiang menaiki bot dari jeti awam Pulau Banding ke SK Sungai Tiang setiap Ahad.

2030 PERAK SEJAHTERA

Oleh Muhamad Lokman Khairi
am@hmetro.com.my

Redah lumpur demi didik anak bangsa

Guru SK Sungai Tiang depani pelbagai cabaran didik pelajar Orang Asli

Gerik

Demi anak bangsa, Guru Cemerlang Pendidikan Sains, Ahmad Adnan Mohd Shukri tidak menghiraukan cabaran meredah perjalanan sukar ke sekolah pedalaman sejak mula bertugas di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Tiang, Royal Belum, di sini, pada 2015.

Berkongsi cabaran menunaikan tanggungjawab mulia itu, Ahmad Adnan, 32, berkata, satu-satunya laluan ke sekolah adalah merentasi Sungai Perak dan Tasik Banding yang perjalanannya memakan masa kira-kiranya satu jam menaiki bot dari Jeti Awam Pulau Banding.

Bagaimanapun, menurutnya, cabaran sebenar adalah ketika air tasik terpaksa disurutkan beberapa kali dalam setahun sebagai langkah kawalan untuk

mengelakkan Empangan Temenggor pecah dan mampu menampung sejumlah air ketika musim tengkujuh.

Pada ketika itu, sebahagian kawasan tasik yang menjadi laluan bot untuk ke sekolah menjadi cetek dan menghalang bot tiba ke jeti berdekatan sekolah dengan lancar seperti kebiasaan.

"Apabila air tasik kering, guru-guru terpaksa berjalan kaki kira-kira dua kilometer, ada kalanya berjalan di tebing serta dalam lumpur atau air sambil menolak bot.

"Perjalanan dari Jeti Awam Pulau Banding (Jati Amanjaya) ke SK Sungai Tiang dengan bot yang sepatutnya memakan masa kira-kira sejam perjalanan menjadi tiga jam 30 minit ketika air surut.

"Berjalan kaki bukan ha-

nya melenggang dengan membawa diri semata-mata, setiap guru perlu mengangkut bersama barang-barang keperluan harian yang lain terutamanya barang-barang masak seperti ayam (16 ekor), gula (5kg), susu (10 tin), beras (20kg), sotong, udang, dan barang-barang kering yang lain untuk makan selama lima hari bagi 17 orang kakitangan sekolah," katanya memaklumkan guru bergilir-gilir memasak kerana tiada kantin.

Kongsinya lagi, cabaran lain adalah bagi mendapatkan bekalan air bersih di mana setiap hari air dari tasik dipam untuk tujuan memasak, minuman dan membersihkan diri selain

tiada talian telefon menyuarakan mereka mendapatkan khabar berita dari luar terutamanya kes kecemasan.

"Capaian Internet hanya diperoleh dari pencawang internet yang disediakan untuk penduduk kampung.

"Guru cuma memperoleh capaian internet yang sangat lemah ketika berada di pagar sekolah sahaja, manakala tiada capaian internet di dalam kawasan sekolah.

"Akibatnya sebarang bentuk mesyuarat atau bengkel yang dilaksanakan secara atas talian tidak dapat dihadiri," katanya.

Ahmad Adnan berkata, sumber tenaga utama bagi

bekalan elektrik di penempatan guru diperoleh daripada panel solar dan generator sebagai, namun kerosakan yang berlaku sejak beberapa bulan lalu menyebabkan guru terpaksa berpanas pada sesetengah waktu.

"Generator akan dihidupkan setiap hari bermula jam 7 pagi hingga 12 tengah hari. Seterusnya, generator ditutup untuk 'rehat' hingga jam 7 malam.

"Generator dihidupkan sekali lagi jam 7 malam hingga 12 tengah malam. Setelah itu, generator dimatikan semula hingga pagi. Beginilah rutinnya setiap hari," katanya.

Walaupun demikian, kepayahan serta kesulitan terbabit tidak mematahkan semangat apatah lagi keikhlasan guru SK Sungai Tiang itu menggalas tanggungjawab mendidik 150 murid Orang

Asli di pedalaman selain menyahut seruan menjayakan flagship Santuni Orang Asli yang digariskan oleh Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad dalam pelan Perak Sejahtera 2030.

Melalui pelan berkenaan, Jabatan Pendidikan Negeri memaikan peranan sebagai antara peneraju yang berminat kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli di Perak.

Ahmad Adnan, bukan guru biasa-biasa, sumbangannya mendidik murid Orang Asli subetnik Negrito suku Jahai di SK Sungai Tiang, diiktiraf Kementerian Pendidikan (KPM) apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Pendidikan Guru Gigih Pedalaman sempena Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2023.

Anugerah itu sememangnya layak diterima anak jati Pengkalan Hulu itu memandangkan pelibatan beliau dalam dunia pendidikan sains yang menyeluruh meliputi aspek kompetensi iaitu pengetahuan dan kemahiran di pelbagai peringkat bermula dari sekolah, zon, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

“Setiap guru perlu angkut bersama barang-barang keperluan harian yang lain”
Ahmad Adnan



TAJUK : SEBATAN TAK CUKUP BUAT PEMBULI

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 NOV 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi dan Mohammad
Khairil Ashraf
Mohd Khalid
am@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

“Saya hanya meng-
harapkan hukuman setimpal di-
kenakan (terhadap pembu-
li) kerana anak masih ma-
hu bersekolah di situ dan
dia akan bertemu dengan
pelajar senior terbabit.”

Begitu kata ibu mangsa
yang mahu keadilan buat
anaknyanya berusia 16 tahun
yang didakwa menjadi
mangsa buli di sebuah se-
kolah berasrama penuh di
Perak pada 24 September
lalu.

Wanita terbabit yang
enggan dikenali berkata,
pihaknyanya tiada niat menu-
larkan kejadian kerana da-
lam hantaran di platform
media sosial itu tiada di-
sertakan nama sekolah dan
hanya menceritakan apa
yang berlaku.

Menurutnya, dia juga su-
dah bertemu dengan pihak
sekolah, wakil Kementerian
Pendidikan (KPM) serta
polis bagi mengambil tin-
dakan lanjut dan turut
mempersetujuinya.

“Bagaimanapun, selepas
dua minggu kami tidak
menerima apa-apa berita
lalu saya menghubungi pi-
hak sekolah sebelum di-



Gambar hiasan

Sebatan tak cukup buat pembuli

*Wanita harap hukuman setimpal, jaminan keselamatan
buat anak yang menjadi mangsa buli pelajar senior di sekolah*

maklumkan keluarga
(pembuli) terbabit ada men-
gambil peguam dan se-
dang menyiapkan pembe-
laan.

“Kami terima alasan itu
dan berharap pihak sekolah
membuat yang terbaik de-
mi keselamatan anak saya.

“Malah, kami juga sudah
bertemu dengan keluarga
pembuli terbabit dan me-
reka juga bersetuju untuk
mengemukakan cadangan
apa yang akan dikenakan
kepada anak mereka sepe-
rti dipersetujui,” katanya ke-
tika ditemui, di sini, se-
malam.

Menurutnya, keputusan
yang diterima mengecewa-

**“Beberapa pelajar termasuk
anaknyanya kemudian dipanggil
ke depan sebelum dia dirempuh
sehingga menyebabkannya
mengalami kecederaan
di bahagian kemaluan”**

kan mereka kerana pelajar
terbabit tidak dibuang se-
kolah, sebaliknya hanya di-
kenakan hukuman sebatan
antara dua hingga tiga kali
dan menjalankan khidmat
komuniti.

“Malah, pelajar terbabit
juga masih tidak dilucut-
kan jawatan di sekolah dan
kami sendiri tidak tahu sa-

ma ada hukuman itu sudah
dilaksanakan atau belum,”
katanya.

Katanya, keadaan anak-
nyanya beransur pulih dan ma-
hu meneruskan pembela-
jarannya di sekolah berke-
nangan kerana sudah belajar
sejak tingkatan satu selain
turut aktif sukan.

“Cuma, saya agak terki-

lan apabila Persatuan Ibu
Bapa dan Guru (PIBG) se-
kolah itu mengeluarkan ke-
nyataan sehingga mende-
dahkan nama kami, se-
dangkan saya tidak mende-
dahkan nama sekolah
dan sebagainya,” katanya.

Menceritakan semula ke-
jadian menimpa anaknyanya,
wanita terbabit berkata, se-
mula pelajar Tingkatan Em-
pat diarahkan berkumpul
dengan memakai kasut se-
kolah oleh pelajar senior di
satu kawasan kira-kira jam
12 tengah malam pada hari
kejadian.

Menurutnya, sebaik ber-
kumpul, beberapa pelajar
termasuk anaknyanya kemu-

dian dipanggil ke depan se-
belum dia dirempuh se-
hingga menyebabkannya
mengalami kecederaan di
bahagian kemaluan.

“Ketika itulah anak saya
dibuli sehingga terjatuh
dan mengerang kesakitan
sebelum diangkat pelajar
lain untuk dibawa semula
ke asrama.


“Saya hanya mengetahui
kejadian sekitar jam 3 pagi
apabila warden menghubun-
gi suami untuk meminta
kebenaran menghantar
anak ke Hospital Kuala
Kangsar,” katanya.

Menurutnya, tidak lama
kemudian pihak hospital
menghubungi dan memak-
lumkan anaknyanya menga-
lami kecederaan serius dan
perlu dipindahkan ke Hos-
pital Taiping.

“Ketika itu saya masih
belum mengetahui kejadi-
an sebenar, malah anak ju-
ga tidak menceritakan apa
yang berlaku, namun se-
lepas ditanya doktor baru-
lah terbongkar bahawa dia
dibuli.

“Malah, bukan kami yang
membuat laporan polis, se-
baliknya doktor yang me-
rawat anaknyanya yang tampil
membuat laporan itu,” ka-
tanya.

Sementara itu, penguru-
san sekolah terbabit ketika
dihubungi Harian Metro
enggan memberikan seba-
rang komen mengenai pe-
kara terbabit.



TAJUK : TINGGAL MAYAT BAYI BELAKANG TANGKI TANDAS

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 08 NOV 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kota Kinabalu: Bau busuk dari tandas di inap desa terletak di Aeropod, Jalan Kepeyan di sini, kelmarin membawa kepada penemuan mayat bayi lelaki yang baru dilahirkan, dipercayai ditinggalkan seorang wanita yang menginap di situ.

Mayat bayi cukup sifat itu ditemui di belakang tangki tandas oleh pekerja di situ, jam 2.30 petang.

Susulan itu, pengusaha inap desa itu membuat laporan mengenai penemuan mayat bayi terbabit.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisyoner Mohd Zaidi Abdullah berkata, sebaik menerima maklumat mengenai penemuan mayat itu, se-

JEJAK WANITA HUNI INAP DESA

Tinggal mayat bayi belakang tangki tandas

pasukan polis digerakkan ke lokasi kejadian.

Katanya, hasil pemeriksaan menemui bungkus plastik di ruang belakang tangki tandas.

“Ia mengandungi mayat bayi lelaki yang sempurna sifatnya dipercayai baru dilahirkan.

“Mayat bayi dihantar ke Unit Forensik Hospital Queen Elizabeth I (HQE)

bagi menjalani bedah siasat,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Mohd Zaidi

berkata, pihaknya mengesan wanita berusia 20 tahun yang mendaftar masuk ke inap desa itu.

“Dia dipercayai masuk ke inap desa itu tiga hari sebelum penemuan mayat bayi terbabit.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksamaan,” katanya.

Sementara itu, Mohd Zaidi berkata, pihaknya menyeru orang ramai yang ada maklumat mengenai kes ini menghubungi balai polis berdekatan atau pegawai penyiasat Inspektor Nur Hatin Amera Mohd Khir di talian 0111-2939436.

Wanita itu daftar masuk ke inap desa terbabit tiga hari sebelum penemuan mayat



TAJUK :	CHILDREN'S MENTAL HEALTH IS EVERYONE'S RESPONSIBILITY		
HARI :	RABU	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	08 NOV 2023	M/SURAT :	14
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

STOP THE STIGMA

CHILDREN'S MENTAL HEALTH IS EVERYONE'S RESPONSIBILITY

THE 2019 National Health and Morbidity Survey (NHMS) found that 424,000 children struggled with mental health problems. The 2022 NHMS found that one in four teenagers had experienced feelings of depression and one in 10 had tried ending their lives.

Considering the fact that children and teenagers are our future, these findings are worrying.

In-depth studies should be done on this matter. With empirical data, we will be better able to design solutions.

I welcome Health Minister Dr Zaliha Mustafa's announcement on initiatives by the Health Ministry, Education Ministry and other agencies to address the mental health of children and teenagers.

The Covid-19 pandemic was a difficult period for many people. We grappled with isolation and our usual social connections were disrupted. This happened to children and teenagers, too, especially when they were unable to physically play and grow with their peers.

It is a challenge to transition to the post-pandemic period as children and teenagers need to make big adjustments.

Good mental health practices need to be instilled at a young age. It is high time mental health literacy was incorporated into the education system.

Children need to be exposed to the basics of good mental health practices.

Skills such as problem-solving and stress management will enhance a child's mental health. When they are mental-health literate, they will be more open to reaching out for help.

They must be able to get help with ease. Therefore, it is important to ensure that we have enough counsellors in primary and secondary schools. I hope the Education Ministry can collaborate with tertiary institutions so that trainee counsellors can do their practicum and internship in schools.

Teachers should also be equipped with basic mental health knowledge, such as the ability to recognise stu-

Children should have a safe space to talk about their feelings without the fear of being judged. Parents need to have an awareness of mental health as they play an important role in helping to develop their children's mental wellbeing.



